

## **KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) GALAS, KELANTAN: ANALISIS GEOGRAFI PILIHAN RAYA**

(The State Legislative Assembly of Galas, Kelantan: An Analysis of Electoral Geography)

*Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain*

### **ABSTRAK**

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian. Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas di Gua Musang, Kelantan diadakan pada 27 September 2010. DUN ini tidak pernah dimenangi oleh PAS kecuali pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 yang sinonim dengan fenomena 'tsunami' politik negara. Adalah tujuan artikel ini untuk menganalisis PRK DUN Galas dari aspek isu dan strategi kempen; politik pembangunan; pola pengundian, etnik dan faktor kemenangan. Dalam PRK ini, calon BN, Abdul Aziz Yusoff menewaskan calon PAS/Pakatan Rakyat, dengan majoriti 1,190 undi. Berdasarkan pemerhatian dan temubual di lapangan, isu negeri dan nasional seperti isu tuntutan royalti minyak, kenaikan harga petrol, pembinaan Menara Warisan dan kes perbicaraan salah laku Ketua Pembangkang, tidak mempengaruhi pilihan politik pengundi di kawasan ini. Sebaliknya, isu setempat seperti hak milik tanah; perumahan; pembangunan infrastruktur setempat; penerokaan tanah; pencemaran; perubahan landskap alam sekitar Lojing dan pemaparan janji-janji pembangunan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat telah memberi kelebihan kepada BN untuk menjuarai 'isu-isu rakyat' di Galas. Faktor kemenangan juga dikaitkan dengan kepemimpinan Pengarah Pilihan Raya DUN Galas iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan keberkesanan strategi kempen bersemuka dengan pengundi. Dari segi pola pengundian pula menunjukkan peningkatan jumlah undi yang diterima oleh calon BN bagi kesemua lokasi dan etnik.

**Kata kunci:** *Pilihan raya, Galas, Pilihan raya kecil, Tengku Razaleigh, Pola pengundian*

### **ABSTRACT**

Electoral Geographical is the study of spatial human organization and election results. The main research subjects are human beings and their interactions with the voting process. By-Election (PRK) of the State Legislative Assembly (DUN) Galas in Gua Musang, Kelantan was held on 27 September 2010. This DUN has never been won by PAS except for the General Election of 2008 which was synonymous with the phenomenon of 'tsunami' politics. The purpose of this paper is to analyze the issues and campaign strategy; politic of development; voting patterns; ethnicity and factors that influenced voters in Galas. The candidate of Barisan Nasional (BN) Abdul Aziz Yusoff defeated PAS candidate / Pakatan Rakyat, Dr. Zulkefli Mohamed with a majority of 1190 votes. Based on field observations and interviews, national issue such as oil royalty, the increased of petrol prices, the issue of Menara Warisan and issue of misconduct trial of the opposition leader, have no effect on the political choices of voters in this area. Instead, local issues such as land ownership; housing; local infrastructure development; pollution and environmental changes of Lojing area, as well as display signs showing the BN campaign promises and projects being implemented by the Government, have an advantage to win the 'people issues' in Galas. BN's victory was also influenced by the leadership of Tengku Razaleigh Hamzah and the effectiveness of face to face campaign strategy with the voters. The voting pattern shows that an increase in the number of votes received by the BN candidates for all location and ethnics.

**Keywords:** *Geography, Galas, election, Tengku Razaleigh, Voting patterns*

## **PENGENALAN**

Pada tahun 2011 merupakan 21 tahun atau penggal ke-5 pemerintahan kerajaan PAS di Negeri Kelantan Darul Naim. Pemerintahan yang berlandaskan kepada “Membangun Bersama Islam” ini bermula pada tahun 1990 dengan kerjasama PAS dengan Semangat 46 serta Berjasa yang berjaya menewaskan BN di kesemua bahagian pilihan raya kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kelantan, berlarutan selepas Pilihan Raya Umum 1995, PRU 1999, PRU 2004 dan terkini PRU 2008. Kelantan satu-satunya negeri yang pernah diperintah oleh PAS sebanyak 2 kali iaitu pada era 1959-1978, kemudian selama 5 penggal berturut-turut (1990 hingga sekarang) berbanding di Terengganu oleh PAS pada era PRU 1959 dan penggal 1999-2004; dan Parti Bersatu Sabah (PBS) selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) 1994. Merujuk kepada senario politik Kelantan pasca PRU 2008, Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Galas ini adalah PRK kedua diadakan Kelantan selepas PRK DUN Manek Urai yang diadakan pada 14 Julai 2009 yang dimenangi PAS selaku penyandang pada PRU 2008 dengan majoriti tipis. Justeru, PRK DUN Galas dilihat dapat dijadikan ukuran kepada pengaruh PAS dan BN di persada politik Kelantan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan menganalisis geografi pilihan raya di DUN Galas seterusnya mengaitkan faktor politik pembangunan, kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, isu dan strategi kempen serta pola pengundian yang memangkin kemenangan BN dalam PRK DUN Galas pada 4 November 2010.

## **GEOGRAFI PILIHAN RAYA**

Geografi pilihan raya ialah satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan. Aspek utama dalam kajian geografi pilihan raya ialah pengaruh proses politik dalam ruang geografi. Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkahlaku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan. Faktor yang dikaji adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek geografi manusia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik. Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut.

Kajian tentang geografi pilihan raya bermula apabila pada tahun 1913, Andre Siegfroid membentangkan kertas kerja dalam seminar kajian pilihan raya di Barat Perancis yang mengaitkan hubungan antara aspek geografi dengan faktor sosioekonomi. Kemudian pada tahun 1949, beliau seterusnya menghasilkan kajian tentang pola pilihan raya di kawasan pesisir Sungai Rhone, Perancis antara tahun 1871 hingga 1940. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan teknik perbandingan lukisan pemetaan antara tahun 1871 hingga 1940 yang memaparkan keputusan pilihan raya berdasarkan kedudukan kawasan-kawasan pilihan raya yang dimenangi parti-parti yang bertanding. Teknik tersebut dikembangkan lagi di Amerika Syarikat oleh Paullen dan Wright (1932), Dean (1949), Crisler (1952), Smith dan Hert (1955) seterusnya kajian-kajian pilihan raya di Eropah oleh Goguel (1951), Lancelot (1968) dan William (1970). Bermula tahun 1960-an hingga tahun 1970-an, pendekatan secara konseptual dan teknikal geografi pilihan raya telah dipopularkan oleh Burghart (1964), Lewis (1965), Reynolds & Archer (1969), Cox (1969), McPhail (1971) dan Salter & Mings (1972). Roberts & Rummage (1965) merupakan sarjana terawal menggunakan teknik statistik dalam analisis geografi pilihan raya dengan mengenalpasti hubungan antara undi yang diperolehi Parti Buruh pada tahun 1951 dengan aspek sosial, umur,

tahap pendidikan, jenis perumahan, lokasi geografi dan jarak/ketersampaian (Glassner, M.I. 1993).

Taylor dan Johnston mengenalpasti 3 perkara penting aspek geografi dalam kajian pilihan raya iaitu geografi pengundian; kesan aspek-aspek/fokus geografi terhadap pengundian; dan geografi keperwakilan. Aspek geografi pengundian merujuk kepada penjelasan terhadap pola pengundian selepas pilihan raya. Dalam tema ini, kaedah statistik (pernomboran) digunakan untuk menganalisis geografi pilihan raya sesuatu kawasan. Analisis perbandingan pemetaan antara pilihan raya-pilihan raya yang diperkenalkan oleh Siegfried telah digantikan dengan kaedah statistik (pernomboran) dan formula-formula pengiraan yang kompleks untuk memaparkan keputusan pilihan raya yang dikaji (Glassner, M.I. 1993).

Kesan/impak aspek-aspek/fokus geografi terhadap pengundian pula merangkumi 4 aspek pengundian yang dapat menjelaskan aspek geografi yang berlatarbelakangkan pilihan raya iaitu isu-isu dalam pengundian; pengundian terhadap calon-calon yang bertanding; kesan daripada kempen dalam pilihan raya; dan pengaruh setempat di sesuatu kawasan pilihan raya. Hal ini berhubungkait antara keputusan pilihan raya dengan tempat asal calon yang bertanding. Geografi keperwakilan pula berbeza mengikut negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokratik daripada rakyat kepada kerajaan/pemerintahan. Ia berbeza mengikut bahagian/kawasan/daerah pengundian atau pilihan raya; jumlah bahagian dan sempadan kawasan pilihan raya yang dipengaruhi oleh jumlah pemilih yang akan mengundi calon. Oleh itu, kemenangan parti yang bertanding dalam sesuatu pilihan negara ditentukan sama ada 2 sistem/kaedah iaitu berdasarkan majoriti mudah jumlah kerusi/kawasan yang dimenangi atau *first past the post system*; atau berdasarkan jumlah undi yang diperolehi atau *proportional vote system*.

Malaysia yang merupakan negara bekas tanah jajahan British dan seperti negara Komanwel yang lain, mewarisi pemerintahan yang berdasarkan kepada sistem kerajaan berparlimen negara England (Wan Junaidi Tuanku Jaafar, 2010). Merujuk kepada aspek geografi keperwakilan dalam konteks Malaysia, setiap negeri dibahagikan kepada 4 struktur kawasan/bahagian pilihan raya iaitu yang terbesar ialah Parlimen (P); diikuti pecahan kepada kawasan Parlimen yang disebut sebagai Dewan Undangan Negeri (DUN); kemudian dipecahkan lagi kepada Daerah Mengundi (DM); dan unit kawasan pilihan raya yang terkecil ialah Lokaliti/Tempat Kediaman (L). Keempat-empat peringkat bahagian/kawasan persempadanan tersebut ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui kajian semula persempadanan setiap antara 8-10 tahun. Kawasan/bahagian pilihan raya Parlimen dan DUN diwujudkan untuk memilih wakil rakyat di peringkat masing-masing; manakala Daerah Mengundi (DM) diwujudkan untuk memudahkan urusan pembahagian pemilih/pengundi untuk penetapan Pusat Pembuangan Undi; dan Lokaliti/Tempat Kediaman pula dibentuk untuk mengenalpasti/membedakan kedudukan tempat kediaman pemilih/pengundi antara satu kawasan dengan kawasan lain. Persempadanan bahagian Parlimen dan Dewan Undangan Negeri/DUN Malaysia dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya berlandaskan kepada rasionaliti jumlah pemilih, keluasan, sempadan kawasan dan aksesibiliti/ketersampaian yang dapat memudahkan wakil rakyat (ahli Parlimen/ahli Dewan Undangan Negeri) untuk berhubung dan berkhidmat kepada pengundi dengan mengambil kira pandangan awam melalui pameran, rayuan dan siasatan tempatan terhadap draf/cadangan persempadanan semula bahagian pilihan raya berdasarkan keadaan peta dan senarai daerah mengundi beserta jumlah pemilih/pengundi mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini untuk memastikan semua warganegara yang layak diberi peluang dan kemudahan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi secara sistematik dan teratur bagi pilihan raya yang bebas, adil dan demokratik (Suruhanjaya Pilihan Raya. 2003).

Kebiasaannya, bahagian pilihan raya Parlimen ditentukan berdasarkan persempadanan daerah pentadbiran yang telah ditentukan pihak Pejabat Tanah/Jajahan atau Pihak Berkuasa Tempatan namun masih berlandaskan kepada kewajaran keluasan dan jumlah pemilih. Persempadanan daerah mengundi terbahagi kepada 2 takrif sempadan iaitu sempadan *natural* atau semula jadi iaitu berdasarkan kepada kedudukan sungai, anak sungai, gunung, bukit, gaung, tasik, paya dan sebagainya; dan sempadan *artificial* atau buatan manusia seperti jalan raya bertar, lebuhraya, jalan tanah merah/batu kerikil, lorong, talian penghantar elektrik dan sebagainya. Setiap bahagian pilihan raya Parlimen mempunyai antara 2 hingga 4 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan setiap DUN pula mempunyai 5 atau lebih daerah mengundi.

Kriteria kawasan pilihan raya bagi sesebuah Parlimen di bandar ialah mempunyai pemilih berjumlah 60,000 orang ke atas, berkeluasan di antara lapan dan 49 kilometer (km) persegi manakala jumlah pengundi bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) di bandar ialah 25,000 orang ke atas. Bagi kategori separuh bandar pula, ia perlu mempunyai keluasan di antara 50 dan 250 km persegi dengan jumlah pemilih bagi kawasan Parlimen berjumlah 30,000 hingga 59,000 orang manakala jumlah pemilih DUN ditetapkan di antara 15,000 dan 24,000 orang. Bagi kategori luar bandar dan pedalaman pula, ia terletak dalam kawasan kurang daripada 250 km persegi dengan jumlah pengundi Parlimen di bawah 30,000 orang manakala jumlah pemilih DUN kategori itu berjumlah di bawah 15,000 orang. Bagaimanapun, penentuan kawasan itu tidak termasuk bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri merupakan salah satu daripada tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Setiap bahagian pilihan raya harus mengandungi sebilangan pemilih yang tinggal di kawasan yang boleh dikenal pasti. Dalam menjalankan kajian berkenaan, Suruhanjaya Pilihan Raya dibantu oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Perangkaan dan Jabatan Peguam Negara. Sehingga kini, sebanyak 8 kali urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri telah diadakan.

Mengikut Salleh Abas (1984: 7-8), terdapat 4 prinsip yang mesti dipatuhi dalam menentukan dan membuat persempadanan semula bahagian pilihan raya. Keempat-empat prinsip tersebut ialah:

- i) Sesebuah bahagian pilihan raya itu hendaklah mempunyai sempadan, dan perlu dijelaskan segala kesukaran sekiranya kawasan pilihan raya bagi DUN melintasi sempadan kawasan Dewan Rakyat/Parlimen.
- ii) Hendaklah ditimbang segala kesenangan dan kemudahan pentadbiran yang ada di dalam bahagian pilihan raya itu untuk menjalankan pendaftaran pengundi.
- iii) Jumlah pengundi mestilah hampir sama dengan semua kawasan di dalam negeri kecuali luar bandar.
- iv) Hendaklah ditimbang segala kesukaran yang akan timbul apabila bahagian pilihan raya itu ditukarkan.

Laporan Kajian Semula Persempadanan dengan syor awal persempadanan dikemukakan kepada Yang Di-Pertua/Speaker Dewan Rakyat dan Perdana Menteri. Pada masa yang sama, suatu notis dikeluarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar dan disiarkan dalam Warta, serta dipamerkan di semua bahagian-bahagian pilihan raya selama satu bulan untuk pemeriksaan dan rayuan orang ramai. Proses persempadanan bermula dengan arahan oleh Ibu Pejabat SPR kepada Pengarah-pengarah Pilihan Raya Negeri mengumpul maklumat-maklumat seperti bilangan pemilih di bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri, kemudahan-kemudahan baru

yang ada seperti bangunan dan sekolah-sekolah untuk digunakan sebagai tempat pengumuman pilihan raya dan kemudahan perhubungan dan pengangkutan. Arahan ini dikeluarkan setelah tamat tempoh lat 8 tahun dengan selesainya kajian semula persempadanan sebelum ini.

Suruhanjaya mesti mengadakan siasatan tempatan untuk mendengar rayuan yang diterima dalam tempoh pameran itu dari mana-mana Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan dan kumpulan 100 orang pemilih dan lebih, dari bahagian-bahagian pilihan raya yang terlibat dengan kajian tersebut. Sebaik sahaja selesai siasatan berkenaan, sebarang perubahan kepada syor persempadanan mestilah dipamerkan semula kepada orang ramai untuk tempoh sebulan. Suruhanjaya tidak perlu mengadakan lebih daripada dua siasatan tempatan. Cadangan persempadanan yang akhir akan dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat bagi mendapatkan kelulusan. Bahagian-bahagian pilihan raya yang baru hanya terpakai apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubar.

## **GALAS, KELANTAN**

Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas merupakan salah satu daripada 45 DUN di negeri Kelantan. Nama 'Galas' dipercayai diambil daripada Sungai Galas yang terletak di Kampung Batu Papan. DUN Galas terletak di bahagian barat daya jajahan (daerah jika di negeri-negeri lain) Gua Musang yang merupakan sebuah jajahan yang terletak di sebelah selatan Negeri Kelantan yang menjadi sempadan antara Negeri Kelantan dengan Negeri Pahang, Terengganu dan Perak. Kawasan DUN Galas (Lepan Tupai) merupakan pintu masuk ke Negeri Kelantan dari arah selatan melalui jalan darat iaitu dari Kuala Lumpur, Bentong, Raub dan Kuala Lipis (Merapoh). Kedudukan yang strategik serta bentuk muka bumi yang unik dengan dikelilingi oleh gua-gua menggalakkan industri pelancongan. Disamping itu, dengan adanya kemudahan jaringan perhubungan yang baik seperti jalan raya/darat dan juga jalan keretapi memudahkan para pengunjung dan pelancong datang ke Gua Musang. Keluasan jajahan ini ialah 810,400 hektar yang merupakan jajahan yang paling luas di negeri Kelantan. Jumlah penduduk di Gua Musang pada tahun 2008 ialah anggaran 95,400 ribu orang yang merangkumi 6.5 peratus penduduk negeri Kelantan. Galas merupakan salah satu daerah (mukim jika di negeri-negeri lain) yang terdapat di kawasan jajahan (daerah jika di negeri-negeri lain) Gua Musang.

DUN ini merupakan yang paling besar di negeri Kelantan dengan keluasan 1,881.48 km persegi. Ia terletak di bandar Gua Musang dan DUN ini juga mempunyai 6 mukim iaitu Batu Papan, Bandar Gua Musang, Pulai, dan Gua Musang. Jumlah penduduk di DUN Galas pula sebanyak 31,814 orang dengan 16,769 lelaki dan 15,045 perempuan. DUN Galas yang termasuk Bandar Gua Musang merupakan pusat pentadbiran Parlimen Gua Musang yang sekarang ini sedang berkembang pesat. Walaupun kawasan ini bukan merupakan bandar industri, tetapi kawasan ini lebih popular sebagai bandar transit, dimana ia merupakan pintu masuk dari Pahang melalui Kuala Lipis (Merapoh), dari Perak melalui Simpang Pulai, Ipoh dan Cameron Highlands (Pahang). Secara geografinya, DUN Galas sebahagian besarnya merangkumi kawasan hutan belantara yang didiami oleh Orang Asli/Asal secara berkelompok di Pos-pos Brooke/Lojing, Bihai, Belatim, Hau, Sungai Ber dan Balar; kawasan perkampungan Melayu yang dilingkungi estet getah dan kelapa sawit di Kampung Batu Papan; kawasan Rancangan Pembangunan Tanah/RPT (kelolaan Kerajaan PAS Kelantan era tahun 1960-an) di Kampung Sungai Terah; perkampungan Cina di Kampung Pulai; kawasan taman perumahan di Lepan Tupai; penempatan bandar kaum Cina dan sebahagian kecil kaum Melayu di bandar lama dan bandar baru Gua Musang dan perkampungan campuran kaum di Kampung Bharu.

Jumlah pemilih yang berdaftar dengan SPR ialah 11,553 pemilih dengan jumlah pemilih biasa 11,426 dan 127 adalah pemilih Pos manakala mengikut pecahan kaum pula, Melayu sebanyak 7,125 pemilih (65.4 peratus), Cina 2,317 pemilih (22.3 peratus), India 185 (1.8 peratus) manakala lain-lain 1,898 pemilih (10.5 peratus) yang terdiri daripada 1,889 pemilih adalah Orang Asli dan 10 pemilih lagi berketurunan Siam. DUN ini juga mempunyai 13 daerah mengundi iaitu 6 daerah mengundi majoriti Orang Asli, 3 daerah mengundi majoriti kaum Cina, 5 daerah mengundi majoriti kaum Melayu dan 1 daerah mengundi campuran.

## SEJARAH PILIHAN RAYA KAWASAN DUN GALAS

Nama DUN Galas mula digunakan selepas persempadanan semula tahun 1985 iaitu menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) 1986 hinggalah sekarang (PRU 2008). Sebelum itu kawasan DUN Galas merupakan DUN Gua Musang yang termasuk di dalam Parlimen Ulu Kelantan. Sebelum itu, pada PRU 1959 hingga PRU 1969, ia dikenali sebagai Ulu Kelantan Barat yang terletak dalam kawasan Parlimen Ulu Kelantan. Pada ketika itu, Parlimen Ulu Kelantan mempunyai dua DUN iaitu Ulu Kelantan Barat dan Ulu Kelantan Timor. Selepas Parlimen Gua Musang disempadankan semula, 3 DUN baru diwujudkan iaitu DUN Dabong, Paloh dan Galas. Kemudian ketika persempadanan baru tahun 2003 iaitu menjelang Pilihan Raya Umum 2004, DUN Dabong dikeluarkan dari Parlimen Gua Musang dan dipindahkan ke dalam kawasan Parlimen Kuala Krai dan DUN Galas (kawasan barat laut) dipecahkan lagi dan diwujudkan nama DUN Nenggiri sementara Galas (semakin mengecil) dan Paloh dikekalkan. Secara tradisinya, PAS tidak pernah menang di Galas sebelum Pilihan Raya Umum 2008 iaitu sejak nama Galas diwujudkan bermula pada PRU 1986 hingga 2004. Namun begitu pada PRU 1990 dan 1995 DUN ini dimenangi oleh calon Parti Melayu Semangat 46 (ketika bersama dengan PAS sebagai Angkatan Perpaduan Ummah/APU) iaitu Haji Omar Mohammad sementara Tengku Razaleigh Hamzah terus menang di kawasan Parlimen ini (atas tiket BN dan juga Parti Melayu Semangat 46) sejak dari 1974 sehingga sekarang. Jadual dibawah menunjukkan senarai ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Galas.

Jadual 3: Senarai ADUN Kawasan Galas dari Pilihan Raya Umum (PRU) 1959 hingga Pilihan Raya Umum (PRU) 2008

Tahun	Nama Kawasan	Nama Wakil Rakyat	Parti
1959	Ulu Kelantan Barat	Khaidir Khalib	PAS
1964	Ulu Kelantan Barat	Ismail Daud	Perikatan/UMNO
1969	Ulu Kelantan Barat	Tengku Razaleigh Hamzah	Perikatan/UMNO
1974	Gua Musang	Abdul Ghani Abu Bakar	BN/UMNO
1978	Gua Musang	Abdul Ghani Abu Bakar	BN/UMNO
1982	Gua Musang	Abdul Ghani Abu Bakar	BN/UMNO
1986	Galas	Zakaria Hassan	BN/UMNO
1990	Galas	Omar Mohammad	Semangat 46
1995	Galas	Omar Mohammad	Semangat 46
1999	Galas	Saufi Deraman	BN/UMNO
2004	Galas	Saufi Deraman	BN/UMNO
2008	Galas	Chek Hashim Sulaima	PAS

Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya 1959 hingga 2008

## ISU DAN STRATEGI KEMPEN

Isu-isu negeri dan nasional dicanangkan oleh PAS merangkumi isu tuntutan royalti minyak Kelantan daripada Kerajaan Pusat/BN, isu kenaikan harga petrol, isu pembinaan Menara Warisan oleh Kerajaan Pusat yang dilihat membazir oleh pihak PAS serta isu perbicaraan salah laku seks Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan tidak adil oleh pihak Pakatan Rakyat. Sebaliknya, isu setempat iaitu isu hak milik tanah; perumahan; pembangunan infrastruktur setempat; isu penerokaan serta pencemaran dan perubahan landskap alam sekitar Lojing oleh Kerajaan Negeri Kelantan; serta pemaparan papan tanda kempen BN yang menunjukkan janji-janji pembangunan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat melalui agensi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) di Galas serta kawasan sekitarnya dilihat memberi kelebihan kepada BN seterusnya menjuarai 'isu-isu rakyat' terutamanya isu yang berkaitan dengan tanah di Galas. Antara isu pokok mengenai isu tanah di Galas yang dimainkan UMNO yang mempengaruhi sentimen pengundi Galas adalah seperti berikut:

- a) Ladang Rakyat tidak memberi manfaat kepada penduduk Galas
- b) PAS merampas tanah rakyat untuk program Ladang Rakyat
- c) PAS gagal selesaikan isu tanah di Galas hampir 20 tahun
- d) PAS tidak akan memberi tanah kepada peneroka Cina di Galas
- e) Pembangunan tanah memusnahkan alam sekitar
- f) Ladang Rakyat adalah syarikat kroni PAS

Bagi pihak PAS pula, mereka masih menggunakan kempen mempromosikan kesederhanaan dan kewartakan peribadi dan kepemimpinan Mursyidul Am PAS yang juga Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai strategi untuk menarik sokongan pengundi di Galas. Bagi penceramah-penceramah PAS, undi Dr. Zul (calon PAS PRK DUN Galas) bermakna satu undi juga diberikan kepada Datuk Nik Aziz. PAS melalui Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan juga memaparkan program-program pembangunan yang telah dilakukan sepanjang 20 tahun memerintah Kelantan melalui pameran bergambar, poster, brosur dan juga ceramah-ceramah umum dan ceramah berkelompok yang dianjurkan mereka. Mereka juga masih mengekalkan strategi kempen cara tradisional/lama iaitu dengan mengadakan ceramah umum di 2 markaz utama iaitu di Bandar Lama Gua Musang dan di kubu kuat mereka di RPT Sungai Terah serta beberapa ceramah berkelompok yang disampaikan oleh penceramah utama mereka seperti Menteri Besar Kelantan (Datuk Nik Aziz), Presiden PAS (Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang), Naib Presiden PAS (Dato' Mahfuz Omar, Salahuddin Ayub dan Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man), AJK PAS Pusat (Mohamad Sabu, Dato' Seri Mohd Nizar Jamaluddin dan Datuk Husham Musa), Ketua Umum PKR (Dato' Seri Anwar Ibrahim), Penasihat DAP (Lim Kit Siang) dan lain-lain. Jentera kempen PAS dijaya dan dikukuhkan oleh jentera pilihan raya PKR dan DAP. PAS juga menggunakan strategi baru dan unik dengan mengadakan program-program untuk rakyat seperti Program "Jom Tengok Wayang dan BBQ Bersama Anak Muda" anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Kerajaan Negeri Kelantan telah dibanjiri oleh lebih 300 orang penduduk setempat di RPT Sungai Terah. Calon PAS Dr Zul juga menawarkan kesanggupan 5 perkara/manifesto jika terpilih sebagai ADUN Galas iaitu:

- 1) Meneruskan Khidmat Allahyarham bekas ADUN Galas, Chek Hashim Sulaima
- 2) Membuka Pusat Khidmat Rakyat di Bandar Gua Musang

Menyelesaikan keperluan dan permasalahan rakyat, antaranya permohonan tanah, pemilikan tanah lot, penempatan generasi kedua, perumahan rakyat dan kemudahan awam serta bekalan air bersih.

### 3) Menjayakan Pembangunan Untuk Masa Depan Rakyat

Banyak rancangan pembangunan sudah dan bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk Pengundi Galas. Justeru kesungguhan dan kerjasama amat diperlukan antara Kerajaan Negeri dengan Rakyat. Jika terpilih sebagai ADUN, boleh bertindak sebagai penghubung dan pemudahcara bagi memastikan semua rancangan pembangunan berjalan lancar. Hasil pembangunan itu akan memajukan kehidupan pengundi Galas dan menikmati limpahan hasil pendapatan dengan projek menjadikan Bandar Gua Musang sebagai Gerbang Ilmu Wilayah Selatan Negeri Kelantan, Pembangunan Lojing sebagai Pusat Pentadbiran Jajahan Baru, dan Pembangunan Pertanian dan Pelancongan (agrotourism) Lojing. Malah, Pengundi Galas bakal menikmati nilai tambahan pembangunan seperti peningkatan jualan pertanian, peningkatan jualan runcit, diikuti dengan larisnya restoran, gerai-gerai, hotel, khidmat pengangkutan, perumahan dan pelancongan.

### 4) Membuka Khidmat Klinik Kesihatan Bergerak

Berbekalkan kebolehan yang ada dan pengalaman dalam khidmat kesihatan rakyat, maka satu badan kebajikan dan kesihatan akan digerakkan bagi menabur bakti untuk pengundi Galas. Khidmat ini pastinya bakal dinikmati semua pihak, kerana hakikat Pengundi Galas ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan kaum. Orang Melayu, Cina, Orang Asal dan India perlu diberi layanan adil atas sifat masing-masingnya ada hak dan peluang untuk menikmati 'kebajikan' dari Kerajaan Negeri mahu pun khidmat seorang Wakil Rakyat.

### 5) Menubuhkan Urusetia Hal Ehwal Orang Asal

Masyarakat Orang Asli/Asal masih banyak kekurangan dari segi nikmat pembangunan. Penubuhan Urusetia Hal Ehwal Orang Asal dibuat untuk memudahkan penyaluran projek pembangunan ke kawasan pos-pos di pedalaman. Sebagai langkah awal satu pusat transit Orang Asal akan dibuka di Bandar Gua Musang bagi memudahkan rakan-rakan Orang Asal yang datang berurusan setiap hari, di samping sebagai pemudahcara dengan Pihak Berkuasa Negeri dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit untuk kepentingan Orang Asal

Di samping itu, kaedah kempen tradisional lain yang digunakan oleh jentera pilihan raya BN dan PAS ialah dengan penggunaan poster, Kain rentang/*banner*, risalah/*flyers* kempen dan risalah calon serta buletin harian iaitu pihak BN dengan makalah kartun “Kecek-Kecek Galas” dan “Usik-Usik” manakala pihak PAS dengan buletin “Galas Kito” sepanjang tempoh kempen tersebut. Terdapat juga penggunaan media baru/alternatif iaitu laman-laman blog politik individu dan laman-laman sesawang yang dikendalikan web master kedua-dua parti dengan pihak BN dengan tajuk web mereka “Galas Untuk BN: Menggalas Harapan Rakyat” manakala pihak PAS melalui “Pilihan Raya Kecil DUN Galas: Pertahan Galas Kito, Calon Kito Dr. Zul, Cakno dan Mesra Rakyat”. Kedua-dua calon yang bertanding juga menghadiri jemputan kenduri kahwin di sekitar DUN Galas, lawatan ke pekan/pasar sehari, masjid-masjid dan lawatan rumah ke rumah termasuk rumah warga tua dan Orang Kurang Upaya (OKU).

## **GALAS DAN POLITIK PEMBANGUNAN**

DUN Galas mempunyai 11,553 pengundi dengan majoritinya adalah pengundi Melayu dengan 65.4 peratus, diikuti dengan pengundi Cina (22.3 peratus), India (1.8 peratus) dan kaum-kaum lain (10.5 peratus). Pecahan daftar pemilih menunjukkan jumlah pengundi biasa adalah sebanyak 11,426 pemilih manakala 127 pemilih adalah pengundi pos. Sebanyak 82.7 peratus atau 9,555



pemilih keluar menunaikan kewajipan untuk mengundi. Dalam pilihan raya kecil ini, calon BN/UMNO (Abdul Aziz Yusof) memperolehi 5,324 undi, manakala calon PAS (Dr. Zulkifli Mohamed) pula memperolehi 4,134 undi manakala undi yang ditolak pula sebanyak 132 undi. Calon BN/UMNO menang dengan majoriti 1,190 undi. Berdasarkan kepada keputusan PRK ini, politik pembangunan menjadi salah satu faktor kemenangan BN dalam PRK ini. Ini dapat dilihat menerusi janji pembangunan BN (Kerajaan Persekutuan/Pusat) di DUN Galas, antaranya ialah pembinaan sekolah yang bernilai RM 79 juta, pembinaan projek perumahan rakyat yang bernilai RM 180 juta (1,500 unit) dan Pusat pembangunan KESEDAR bernilai RM 6.2 juta. Kesemua projek ini dilihat membantu kemenangan BN di Galas.

Projek pembinaan sekolah di Galas meliputi pembinaan SMK Sri Wangi (RM 20 juta), SK Sri Wangi (17 juta), SK Gua Musang dengan 1 bangunan tambahan (RM 2 juta) dan Sekolah Menengah Integrasi (RM 40 juta). Dengan janji BN untuk membina sekolah terbabit maka pengundi di Galas untuk memilih calon BN. Ini dapat dibuktikan dengan kemenangan BN di kawasan bandar Gua Musang. Selain itu, dengan janji pembangunan KESEDAR juga dilihat membantu kemenangan BN khususnya di kawasan perkampungan Melayu seperti di Kampung Batu Papan. Sementara itu, dengan pembangunan projek perumahan rakyat yang bernilai RM 180 juta juga dilihat membantu kemenangan BN di Galas khususnya di kawasan majoriti Orang Asli/Asal iaitu di Bihai, Belatim, Hau, Sungai Ber, Pos Brooke dan Balar. Di Galas ini, terdapat 14 projek Mega yang termaksud dalam projek Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Tetapi 3 projek yang dinyatakan diatas merupakan 3 projek utama yang membawa kemenangan BN di Galas. Berikut adalah 14 projek mega dalam RMK-9 di DUN Galas:

Jadual 4 Projek Mega dalam RMK-9 di DUN Galas

Bil	Nama Projek	Nilai Projek (RM Juta)
1	Hospital Gua Musang	60
2	Pusat Kesihatan Bandar Gua Musang	12
3	Ibu Pejabat Polis Daerah Gua Musang	31
4	Jalan Besar (Persiaran Raya)	18
5	SMK Sri Wangi	20
6	SK Sri Wangi	17
7	Kompleks Sukan	2
8	Stesen Keretapi	4
9	Perpustakaan Awam	1
10	Sk Gua Musang 1 (Tambahan)	2
11	Gelanggang Futsal	0.2
12	Sekolah Menengah Integrasi	40
13	Pusat Latihan KESEDAR	6.2
14	Projek Perumahan Rakyat	180
	<b>JUMLAH</b>	<b>393</b>

Sumber: Berita Harian, 1 November 2010

Pihak PAS melalui Kerajaan Negeri Kelantan juga menggunakan strategi kempen yang sama sepertimana yang dipraktikkan BN yang berlandaskan “politik pembangunan” melalui agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti KESEDAR, Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, RISDA, FELCRA dan JHEOA. PAS melalui Kerajaan Negeri Kelantan antaranya penubuhan sebuah Maahad Tahfiz Sains di Gua Musang, pembinaan Bandar Baru Gua Musang melalui anak syarikat Kerajaan Kelantan dan penyelesaian hak milik tanah. Kejayaan BN memenangi hati dan

undi Orang Asli juga bertitik tolak daripada kesungguhan dan kecekapan jentera pilihan raya BN yang telah berkampung di Pos-Pos Orang Asli sebaik sahaja berita mengenai kematian ADUN Galas tersebar hinggalah ke hari pembuangan undi PRK DUN Galas tersebut dengan penganjuran aktiviti kebajikan dan hiburan seperti pemeriksaan kesihatan dan penganjuran karaoke di kalangan masyarakat Orang Asal tersebut.

Penjelasan slogan “1 Malaysia” yang dikemukakan oleh Perdana Menteri melalui NGO 1 Malaysia juga mempengaruhi sokongan pengundi Cina di kawasan bandar Gua Musang seterusnya memangkinkan kemenangan BN di Galas. Ini dapat dibuktikan dengan kemenangan BN di daerah mengundi kawasan Cina (Bandar Baru dan Bandar Lama) kepada BN. Selain itu, kepincangan di pihak PAS juga turut membantu kemenangan BN di Galas. Antaranya ialah kesilapan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat memberi zakat kepada saudara baru (Orang Asli) di Pos Brooke. Walaupun ia adalah wang zakat untuk saudara baru, tetapi mengikut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebarang pemberian wang ketika pilihan raya adalah merujuk kepada rasuah/politik wang.

Kemenangan BN juga boleh dikaitkan dengan teori 4M (*Media, Money, Machinery & Mahathir*) diperkenalkan oleh Gomez (1996) yang memaparkan faktor kemenangan BN dalam pilihan raya 1995. Namun dalam konteks PRK DUN Galas, hanya 3M yang relevan untuk dikaitkan dengan kemenangan BN dalam PRK DUN Galas iaitu *Media, Money, Machinery*. Kesemua faktor tersebut dimiliki dan memihak kepada BN. Faktor-faktor ini memberikan kelebihan kepada BN yang mempunyai pengalaman memerintah Malaysia sejak merdeka hingga sekarang yang sekian lamanya dan dapat menilai arah sebenar politik pengundi Malaysia dalam setiap pilihan raya yang lebih cenderung kepada sentimen politik pembangunan, *status quo* serta pihak yang dapat memonopoli sumber penyampaian maklumat semasa pengundi seperti media cetak dan media elektronik. Kamarudin Jaafar (2010) pula mengaitkan kemenangan BN dengan formula 4F (*Fun*/hiburan; *Fund*/wang atau dana; *Fear*/takut; dan *Future*/masa depan). Beliau menjelaskan kemenangan BN dengan situasi setiap kali pilihan raya umum mahupun kecil akan bermulalah program dan majlis-majlis hiburan, akan dimumkan projek-projek pembangunan dan bantuan kewangan, akan ditakut-takutkan rakyat dengan imej-imej buruk yang ada pada parti pembangkang, dan akan diberikan gambaran masa depan yang begitu baik jika mengundi BN dan akan menerima akibar buruk jika mengundi parti pembangkang.

## **FAKTOR TENGGU RAZALEIGH**

Faktor karismatik dan kekerabatan ‘raja’ Tengku Razaleigh Hamzah turut mempengaruhi kemenangan BN di Galas. Tengku Razaleigh (lebih dikenali sebagai Ku Li) juga terkenal di kalangan masyarakat Orang Asli/Asal sebagai “Raja Gua Musang” menjadi pemimpin besar mereka seterusnya menjadi penyokong setia Ku Li di jajahan Gua Musang. Menyingkap latar belakang beliau, Tengku Razaleigh berkelulusan Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi daripada Queen’s University, Ireland merupakan tokoh politik yang teruji dan tersohor di peringkat bahagian, negeri, nasional. Beliau berpengalaman dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan menjadi Menteri Kewangan Melayu yang pertama ketika berumur 39 tahun dan sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian ketika berumur 47 tahun. Pengalaman luas beliau dalam politik UMNO di peringkat bahagian sebagai Ketua Bahagian sejak tahun 1962 hingga sekarang, pernah menjadi Setiausaha (1963) dan Pengerusi Perhubungan Negeri Kelantan (1967 dan 2004) dan di peringkat nasional terserlah setelah beliau dipilih sebagai Naib Presiden UMNO selama 3 penggal berturut-turut. Beliau juga pernah bertanding jawatan Presiden UMNO pada tahun 1987 dan pernah menawarkan diri bertanding untuk jawatan yang sama pada tahun 2004 dan 2009.

Beliau juga pernah menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 yang diketuai beliau sendiri. Justeru, pengalaman luas serta tindakan berani beliau untuk berkecimpung dalam arena politik di semua peringkat menyebabkan beliau disanjung di Gua Musang sebagai tokoh yang kental dan tegas dalam perjuangan beliau untuk rakyat jelata.

Tengku Razaleigh masih lagi relevan dalam arena politik di Kelantan, khususnya di kawasan Gua Musang. Ini dapat dilihat Tengku Razaleigh tidak pernah tewas dalam pilihan raya di Gua Musang. Beliau mula bertanding dalam pilihan raya di Gua Musang ini bermula 1969 hingga kini. Beliau mula menyertai politik secara serius dalam pilihan raya 1969 apabila bertanding di DUN Ulu Kelantan Barat dengan menewaskan calon PAS (Hussin Abdullah) calon PAS dengan majoriti 1734 undi. Pada pilihan raya 1974, beliau berpindah ke kerusi Dewan Rakyat/Parlimen iaitu Ulu Kelantan hinggalah pada hari ini (Gua Musang). Pada pilihan raya tersebut beliau telah menang tanpa bertanding. Pada pilihan raya 1978 pula, beliau menewaskan Ustaz Khaidir (PAS) dengan majoriti 4562 undi, seterusnya pada pilihan raya 1982, beliau menewaskan calon PAS (Hasan Mat Saman) dengan majoriti 5762 undi.

Pada tahun 1986, Parlimen Ulu Kelantan dikenali Gua Musang dan pada tahun tersebut beliau menewaskan calon PAS (Abdul Rahim Abdullah) dengan majoriti 7,319 undi. Bagi pilihan raya 1990 pula, berlaku perubahan besar dalam politik Malaysia khususnya di Kelantan di mana beliau bertanding atas Parti Semangat 46 yang ditubuhkan dan diketuai beliau sendiri (1989) berikutan konflik krisis kepimpinan UMNO 1988. Dalam pilihan raya ini, beliau menang dengan majoriti besar iaitu 13,249 undi dengan menewaskan calon BN/UMNO (Wan Ismail Ibrahim). Pada pilihan raya 1995 pula, beliau berjaya mengekalkan kerusi dengan menewaskan calon AKIM (Wan Ismail Wan Idris) dari AKIM dengan majoriti 8980 undi.

Kemudian pada tahun 1996, Parti Melayu Semangat 46 telah dibubarkan oleh Tengku Razaleigh sendiri pada 1996 dan sebahagian besar penyokong kembali ke pangkuan UMNO/BN. Berikutnya pada pilihan raya 1999, beliau yang menggunakan logo BN menang dengan menewaskan calon PAS (Abdul Razak Abbas) dengan majoriti 2,925 undi. Selain itu, Tengku Razaleigh juga dilantik sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan. Pada pilihan raya 2004 pula, beliau berjaya mengekalkan kerusi dengan menewaskan calon PAS (Dr. Zulkifli Mohammad) dengan majoriti 6,548 undi. Sementara itu, pada pilihan raya 2008 beliau berjaya mengekalkan kerusi dengan menewaskan calon PAS (Dr. Zulkifli Mohammad) dengan majoriti 4,394 undi. Jadi ini menunjukkan pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah begitu besar di Gua Musang. Maka, faktor pengaruh Ku Li yang telah ber"ku" di Galas/Gua Musang sejak lebih 3 dekad lalu sejak sekian lama telah berjaya memantapkan sokongan pengundi kepada beliau hinggalah sekarang. Kehebatan Ku Li yang sentiasa dijaja media adalah berjaya merampas Kelantan dari tangan PAS pada tahun 1978 melalui kerjasama UMNO-Berjasa dan kemudian sekali lagi berjaya merampas Kelantan pada tahun 1990 melalui kerjasama PAS-Semangat 46-Berjasa-Hamim melalui gabungan politik yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kejayaan APU ini dilihat banyak dibantu oleh kepimpinan karismatik Tengku Razaleigh yang diperkatakan bakal dilantik sebagai Perdana Menteri jika APU berjaya memenangi pilihan raya di peringkat Parlimen pada PRU 1990 dan PRU 1995 yang lalu.

Pengaruh peribadi Tengku Razaleigh turut menjadi faktor kemenangan BN di Galas. Beliau menyatakan kepada pengundi sewaktu kempen di Kampung Tanah Putih bahawa jentera BN tidak akan menyerang peribadi calon PAS walaupun beliau diserang dan tohmahan dari PAS yang menyatakan beliau mengkhianati Orang Asli di Gua Musang dengan melarikan fail mengandungi permohonan tanah sewaktu membawa Semangat 46 keluar dari APU dan menyertai UMNO (Berita Harian, 2 November 2010). Selain itu, Tengku Razaleigh juga

sanggup meredah hutan belantara hampir 12 jam untuk bertemu dengan lebih dekat dengan pengundi Orang Asli. Ini juga turut membantu kemenangan BN di kawasan Orang Asli berikutan kesanggupan Tengku Razaleigh meredah hutan untuk bertemu dengan pengundi. Selain itu, calon BN (Aziz Yusof) juga turut dikenali dikalangan pengundi di Galas. Beliau lebih dikenali sebagai “Aziz Limau” di kalangan penduduk di Gua Musang. Nama timbangan itu diberikan masyarakat setempat memandangkan beliau pernah bertugas sebagai kakitangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) di RPT Limau Kasturi (Utusan Malaysia. 28 Oktober 2010). Keberkesanan strategi kempen bersemuka yang diperkenalkan Tengku Razaleigh yang kali ini sebagai Pengarah Pilihan Raya Kecil DUN Galas antara pemimpin BN dengan rakyat di samping kemantapan jentera kempen 10 orang kanan Tengku Razaleigh di setiap daerah mengundi di Galas turut menjamin kemenangan BN di Galas.

## **POLA PENGUNDIAN**

Jika dilihat pola pengundian mengikut daerah mengundi pada PRK ini, BN berjaya menguasai kesemua kawasan kecuali tewas di Sungai Terah. Seperti yang diketahui, Sungai Terah merupakan kawasan perkampungan Melayu dan menjadi kawasan tradisi kepada PAS kerana jasa Kerajaan PAS pada era tahun 1960-an melalui program Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) dengan membuka tanah baru untuk peserta di kawasan tersebut. BN belum pernah menang di Sungai Terah. Dari segi jumlah undi pula menunjukkan undi BN meningkat sebanyak 1571 undi iaitu dari 3753 undi pada PRU 2008 kepada 5324 undi pada PRK 2010, manakala bagi undi PAS pula menunjukkan penurunan sebanyak 265 undi. Undi PAS pada PRK 2010 ini ialah 4134 undi, manakala pada PRU 2008 (4399 undi).

Merujuk kepada perbandingan keputusan pilihan raya mengikut tahun, pada PRU 2004 didapati semua saluran dan daerah mengundi dimenangi BN kecuali di 3 saluran mengundi di pusat mengundi S.M.U. Sg Terah telah dimenangi PAS yang juga satu-satunya kubu kuat PAS di DUN Galas. Kemenangan besar BN di Galas pada PRU 2004 dikaitkan dengan faktor nasional iaitu harapan besar rakyat terhadap kepemimpinan Dato’ Seri Hj Abdullah Ahmad Badawi (lebih dikenali sebagai “Pak Lah”) yang dilihat islamik dan mesra rakyat serta keberkesanan strategi BN melantik Datuk Mustapa Mohamed sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang dihormati rakyat Kelantan kerana sifatnya yang sederhana serta mempunyai kelulusan akademik yang tinggi seterusnya mempunyai agenda pembangunan yang jelas untuk negeri Kelantan. Kemudian pada PRU 2008 yang merupakan tsunami politik negara, BN tewas di kesemua saluran dan daerah mengundi di perkampungan Melayu dan kawasan bandar (Cina) namun hanya menang di saluran-saluran mengundi orang Asal/Asli yang juga merupakan kawasan *fix deposit* BN. Kekalahan BN di Galas pada PRU 2008 pula juga kerana faktor nasional iaitu kegagalan “Pak Lah” memenuhi harapan rakyat serta kesilapan BN dalam strategi kempenya dengan menggunakan segelintir pemimpin politik luar Kelantan yang berceramah dengan mengaitkan kemiskinan Kelantan dengan penghijrahan rakyat Kelantan ke negeri-negeri lain yang tidak disenangi rakyat Kelantan terutamanya pengundi Kelantan yang tinggal dan bekerja di luar Kelantan. Kemudian PRK 2010, BN mengulangi kemenangan PRU 2004 iaitu menang di kesemua saluran/daerah mengundi kecuali di RPT Sungai Terah yang merupakan kawasan turun-temurun PAS. Kejayaan BN menawan semula kerusi turun-temurun/kubu kuat mereka dalam PRK 2010 ini dikaitkan dengan faktor kepemimpinan Perdana Menteri yang baru iaitu Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang terkenal dengan slogan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang mementingkan perpaduan kaum dan keberkesanan sistem penyampaian mula diterima rakyat serta kembalinya Datuk Mustapa Mohamed yang dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan (sebelum ini Dato’ Annuar

Musa) yang dilihat berkaliber serta berpandangan jauh untuk memajukan kembali Kelantan yang sejak sekian lama dikuasai PAS serta faktor tempatan/setempat iaitu isu pembangunan, isu tanah yang menjadi kelebihan kepada BN dan kecekapan jentera pilihan raya kempen BN yang diteraju Tengku Razaleigh yang menggunakan strategi kempen bersemuka dengan rakyat untuk menyelami masalah dan keperluan mereka di Galas.

Jumlah undi yang diperolehi oleh BN semuanya meningkat termasuklah di Sungai Terah. Walaupun BN tewas di Sungai Terah namun jumlah undi yang diperolehi oleh BN meningkat sebanyak 243 undi iaitu pada PRU 2008 undi BN sebanyak 432, manakala pada PRK 2010 pula sebanyak 675 undi. Ini menunjukkan masyarakat di Gua Musang ini, telah kembali menaruh kepercayaan kepada BN dan juga kepada Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Kempen gagasan 1 Malaysia yang dicanangkan melalui NGO 1 Malaysia tanpa melibatkan parti komponen Cina iaitu MCA dan Gerakan menjadi salah satu faktor yang berjaya menarik sebahagian undi kaum Cina untuk menyokong BN dalam PRK kali ini. Sokongan pengundi muda juga menunjukkan peningkatan di mana setiap saluran 3 dan 4 dimenangi oleh BN kecuali di Sungai Terah. Ini menunjukkan sokongan orang muda telah kembali kepada BN. Orang muda juga telah kembali menyokong dan meyakini kepimpinan Perdana Menteri Datuk Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Seterusnya, jumlah undi di saluran 1 dan 2 turut dimenangi BN kecuali di Sungai Terah dan Kampung Bharu.

Bagi analisis setiap daerah mengundi, menunjukkan kawasan orang Asli masih lagi menjadi *fix deposit* bagi BN pada PRK kali ini, di mana BN berjaya mengekalkan kemenangan di setiap daerah mengundi disamping meningkatkan jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN. Antara penyebab kemenangan BN di kawasan orang Asli ialah dengan pelancaran 1 Komuniti 1 Koperasi di Pos Brooke. Pada majlis pelancaran ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Ismail Sabri Yaakob telah menyampaikan geran bernilai RM 30,000 kepada Koperasi Orang Asli Pos Brooke. Selain itu, menurut beliau lagi, 3 lagi koperasi akan ditubuhkan di kawasan Orang Asli di negeri ini (Utusan Malaysia, 2 November 2010). Ini menunjukkan Orang Asli berpeluang mengubah nasib hidup mereka dengan menjadi ahli koperasi apabila koperasi ini beroperasi kelak. Selain itu, masyarakat Orang Asli juga, turut kecewa dengan kepimpinan kerajaan negeri berikutan aktiviti penerokaan tanah di kawasan mereka masih berleluasa dan telah menyebabkan kehidupan mereka terhimpit akibat kemerosotan hasil sumber hutan seperti rotan dan manong, air menjadi kuning seterusnya mengakibatkan kehidupan mereka semakin terjejas. Bagi kawasan bandar pula, menunjukkan peningkatan undi kepada BN. Kawasan bandar ini juga memperlihatkan sokongan pengundi Cina sebahagiannya telah kembali kepada BN kerana NGO yang dilihat mempunyai kaitan dengan NGO yang ultra-Melayu iaitu PERKASA kali ini tidak turun berkempen untuk BN/UMNO secara aktif dalam PRK DUN Galas. Penurunan mendadak undi Cina kepada BN dalam PRK Parlimen Hulu Selangor yang lalu adalah berpunca daripada kempen agresif PERKASA dalam PRK tersebut yang dilihat terlalu ultra Melayu seterusnya menakutkan pengundi Cina.

Selain itu dengan pembinaan dua buah sekolah juga menjadi faktor kemenangan BN di kawasan bandar ini. Pembinaan sekolah yang dimaksudkan ialah projek bernilai RM 79 juta itu meliputi pembinaan SMK Sri Wangi (RM 20 juta) dan SK Sri Wangi (17 juta). Di samping itu, pembinaan hospital Gua Musang yang bernilai RM 60 juta juga menjadi faktor kemenangan BN disini. Bagi kawasan Kampung Melayu pula, BN menang semua kecuali Sungai Terah. Yang paling menarik adalah di Batu Papan di mana BN telah berjaya merampas kembali selepas tewas pada 2008. Pada tahun 2008 BN tewas dengan majoriti 92 undi manakala pada PRK ini BN menang dengan majoriti 160 undi. Antara faktor kemenangan adalah janji BN untuk

mengantikan jambatan gantung sepanjang 35 meter dan setinggi 10 meter yang menghubungkan Kampung Batu Papan 1 dan Kampung Batu Papan 2 yang dipisahkan oleh Sungai Galas.

Secara keseluruhan dan perbandingannya, BN telah menang di 12 peti undi berbanding tujuh pada tahun 2008, dengan pertambahan undi yang tinggi di kawasan Lapan Tupai, Batu Papan, Bandar Baru, Bandar Lama dan Kampung Bharu. Pada PRU 2008 (10,330 orang pemilih) sebanyak 8356 orang pengundi telah keluar mengundi bagi membentuk jumlah keluar mengundi sebanyak 80.89 peratus. Manakala dalam PRK 2010 (11,553 orang pemilih) pula, bilangan keluar mengundi pula bertambah kepada 9555 orang telah keluar mengundi mewakili 82.71 peratus daripada jumlah pengundi. Ini menunjukkan berlaku pertambahan peratusan pembuangan undi sebanyak 1.82 peratus antara PRU 2008 dengan PRK 2010. BN berjaya menambahkan undi sebanyak 1571 undi berbanding PRU 2008 (3753 undi pada PRU 2008 berbanding 5324 undi pada PRK 2010) manakala PAS pula kekurangan 265 undi berbanding PRU 2008 (4399 undi pada PRU 2008 berbanding 4134 undi pada PRK 2010). Dengan penambahan undi BN secara mendadak ini menunjukkan BN berjaya menarik lebih kurang 1000 undi daripada pengundi baru dan pengundi yang tidak turun mengundi pada PRU 2008 untuk menyokong mereka pada PRK 2010 manakala PAS pula masih bertahan dengan undi 2008 dengan kekurangan undi sebanyak 265 undi yang dikatakan berpunca daripada peralihan undi Cina daripada PAS kepada BN di kawasan bandar serta pengundi luar yang tidak dapat pulang mengundi kerana hari mengundi (4 November) diadakan pada hari bekerja iaitu hari Khamis.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa situasi politik terkini menunjukkan bahawa keyakinan rakyat kepada BN semakin meningkat. Pengaruh kepimpinan karismatik Tengku Razaleigh dengan pendekatan kempen bersemuka yang sederhana yang diperkenalkannya serta kemantapan jentera kempen 10 orang kanan Tengku Razaleigh di setiap daerah mengundi di Galas memangkin kejayaan BN/UMNO merampas kembali kerusi DUN yang dimenangi PAS ini dalam PRU 2008 yang lalu. Ini dibantu dengan 'pendekatan lama' politik pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Pusat/BN di sini, sesuai dengan sebahagian besar lokasi geografinya yang terletak di kawasan luar bandar/pedalaman Kelantan dan juga dipengaruhi oleh faktor 3M (*Media, Money, Machinery*). Kemenangan BN di Galas juga menunjukkan pengundi di sini mengutamakan isu pembangunan setempat yang 'dijuarai' BN berbanding isu nasional yang dijaja oleh PAS. Dengan kejayaan ini, BN harus berusaha untuk mengekalkan kemenangan di DUN ini dengan menunaikan segala janji Pilihan Raya Kecil sebelum diadakan Pilihan Raya Umum ke-13 akan datang, agar Galas tidak senasib Pengkalan Pasir dan Semerak di mana kedua-dua DUN ini BN menang pada PRK tetapi tewas pada PRU 2008.

## **RUJUKAN**

Amer Saifude Ghazali. 2009. *Geografi pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

A. Rashid A. Rahman. 1994. *Perjalanan pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

Glassner, M.I. 1993. *Political geography*. New York: John Wiley & Sons, Inc.

Gomez, E. T. 1996. *The Malaysian general elections: A report and commentary*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Hassan Harun. 1999. *Kelantan Rakyat dinamik, negeri semakin ketinggalan*. Kuala Lumpur. DD Mediaconsult Sdn. Bhd.

Pemerhatian di Lapangan (Kawasan Daerah Mengundi Lojing/Pos Brooke, Kampung Batu Papan. Bandar Baru, Bandar Lama, Sungai Terah, Kampung Pulai dan Lapan Tupai). 30 Oktober 2010.

Sivamurugan Pandian. 2010. Amanat Najib, Galas dan Batu Sapi. *Utusan Malaysia*. 2 Nov 2010.

S. Sothi Rachagan. 1993. *Law and the electoral process in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Suruhanjaya Pilihan Raya. 2003. *Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu*. (Jilid 1-Syor). Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya.

Suruhanjaya Pilihan Raya. 2007. *50 tahun demokrasi dan pilihan raya di Malaysia*. Putrajaya

Junaidi Awang Besar,  
Mohd Fuad Mat Jali ,  
Mohd Faidz Mohd Zain,

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
e-mail: [jab@ukm.my](mailto:jab@ukm.my)